

Berita harian 1/2/2011 M/S 3.

Oleh Hassan Omar, Junita Mat Rasid, Azidan Nahar, Ifwan Tun Tuah, Irwan Shafrizan Ismail, Azida Shaharuddin, Mohamed Farid Noh, Nurhasyima Hasim, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, Zanariah Abd Mutalib, Adli Shahar, Jaafar Neemat dan Jaafar Mulup



ORANG ramai terpaksa menggunakan laluan kereta api untuk ke Pekan Segamat kerana jalan utama ke pekan berkenaan terputus akibat banjir.

# Segamat bertukar jadi pulau

Semua laluan keluar masuk ditenggelami air hingga ke paras dada

**L**ABIS: Segamat lumpuh sejak malam kelmarin apabila terputus perhubungan darat dengan dunia luar, berikutan semua laluan keluar masuk ke daerah itu ditenggelami air sehingga 1.5 meter.

Jalan keluar masuk ke daerah ini membabitkan Jalan Batu 8 Jementah-Lubuk Batu, Jalan Gemas-Segamat dan Jalan Bandar Segamat-Labis ditutup sepenuhnya kepada semua jenis kenderaan.

Berikutan perkembangan itu, semua pengguna jalan raya dinasihat tidak menggunakan laluan berkenaan berikutan kedua-dua hala jalan ditenggelami air dan berbahaya untuk dilalui.



Jurucakap polis berkata, mua hubungan ke Segamat ni lumpuh berikutan jalan naiki air mencecah paras da orang dewasa, malah di setengah kawasan termak laluan di Tenang Station kategorikan bahaya kerana arus deras.

Pasukan penyelamat kini letakkan dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghada sebarang kemungkinan erikutan Sungai Segamat tes merekodkan kenaikan pasnya berikutan hujan berusan sejak seminggu lalu. Dalam pada itu, Kumpulan ang Simpanan Pekerja (KWSP) menghentikan sementara operasi pejabatnya

di Segamat.

Pengurus Besar Perhubungan Awam KWSP, Nik Afendi Jaafar, berkata ahli dan majikan yang ingin mendapatkan perkhidmatan KWSP boleh menghubungi cawangan KWSP terdekat iaitu di Muar atau Melaka.

Ahli juga boleh menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-89226000 atau menghantar pertanyaan di laman web [www.enquiry.kwsp.gov.my](http://www.enquiry.kwsp.gov.my)

atau mendapatkan maklumat KWSP di laman web [myEPF www.kwsp.gov.my](http://myEPF.kwsp.gov.my).

Sementara itu, banjir besar yang melumpuhkan pekan Labis dan beberapa kawasan sekitarnya sehingga menjejaskan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang kelmarin, mulai surut.

Bagaimanapun, kebanyakan kedai dan premis perniagaan masih ditutup.

Tinjauan mendapati kedai makan dan serbaneka di pekan ini diserbu penduduk mendapatkan bekalan makanan sehingga stok makanan mulai berkurangan.

Tinjauan mendapati beberapa jalan sekitar Pekan Labis dipenuhi sampah sarap yang dihanyutkan banjir malam kelmarin, manakala beberapa jalan raya turut rosak.

Penduduk Kampung Paya Merah, Paya Merah Lama

dan Lembah Bakti di Labis juga masih ditempatkan di pusat penempatan banjir berikutan rumah mereka ditenggelami air sehingga paras bumbung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tenang, Mohd Azahar Ibrahim, yang memenangi pilihan raya kecil itu, kelmarin, turut meninjau mangsa banjir di Dewan Serbaguna Kampung Paya Merah.

### **ANGGOTA Bomba dan Penyelamat memindah mangsa banjir di Pekan Gemas, semalam.**